

**ATURAN-ATURAN
BAGI PEMILIHAN LEMBAGA
DAN
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BERHAD
ATURAN-ATURAN BAGI PEMILIHAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

1.0 TAJUK

- 1.1 Peraturan ini adalah dinamakan “Aturan-aturan Bagi Pemilihan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad” dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- 1.2 Peraturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 83 dan dikuatkuasakan selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan.

2.0 TUJUAN

Tujuan Peraturan ini diwujudkan ialah untuk memastikan supaya proses pemilihan Lembaga dan Juruaudit Dalam dapat berjalan dengan teratur dan terkawal demi kepentingan anggota-anggota dan Koperasi ini.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1 “Akta” maknanya Akta Koperasi 1993 dan termasuk sebarang pindaan yang diperbuat kepadanya dari masa ke semasa;
- 3.2 “Aturan-Aturan” maknanya “Aturan-Aturan Bagi Pemilihan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam” ini dan “Aturan” hendaklah diberi maknanya sesuatu peruntukkan Aturan-Aturan.
- 3.3 “Calon” maknanya seorang yang dinamakan mengikut peruntukkan Aturan-Aturan ini sebagai calon bagi jawatan anggota Lembaga atau jawatan Jawatankuasa Audit Dalam untuk sesuatu pemilihan.
- 3.4 “daftar pemilih” maknanya daftar anggota-anggota yang daftar perwakilan-perwakilan yang layak mengundi pada tarikh yang ditentukan.
- 3.5 “Peraturan-Peraturan” maknanya peraturan yang diperbuat di bawah Akta dan termasuk sebarang pindaan yang perbuat kepadanya dari masa ke semasa.
- 3.6 “Ketua Pendaftar” maknanya Ketua Pendaftar Malaysia yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta dan termasuk seorang Pendaftar apabila menjalankan kuasa-kuasa Ketua Pendaftar sebagaimana yang telah diperuntukkan dibawah seksyen tersebut.
- 3.7 “Koperasi ini” maknanya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad.
- 3.8 “Jawatankuasa Audit Dalam” maknanya Jawatankuasa Audit Dalam yang dibentuk menurut Undang-Undang Kecil 50.
- 3.9 “Lembaga” maknanya Lembaga Koperasi ini yang dibentuk menurut Undang-

undang Kecil 37.

- 3.10 “menutup peti undi” maknanya peti undi di tempat mengundi yang dikunci dan dimetrikkan dengan metri koperasi oleh ketua tempat mengundi dengan sesuatu cara supaya peti undi itu tidak boleh dibuka tanpa dipecahkan metri itu dan diletakkan dengan metri calon-calon atau wakil-wakil calon-calon yang hadir pada masa yang berkehendakkan meletakkan metri-metri mereka dan “peti undi yang ditutup” serta “peti tertutup” hendaklah diberi makna yang sama.
- 3.11 “pemilih” maknanya seorang perwakilan yang layak mengundi dalam sesuatu pemilihan menurut Aturan-Aturan ini.
- 3.12 “pemilihan” maknanya sesuatu pemilihan bagi memilih seorang anggota Lembaga atau Jawatankuasa Audit Dalaman mengikut Undang-undang Kecil 33(1)(d) dan 35 atau 50, mengikut mana yang berkenaan.
- 3.13 “Setiausaha” maknanya Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik di bawah Aturan-Aturan ini.
- 3.14 “tarikh yang ditetapkan” maknanya satu tarikh yang tidak melebihi tempoh sepuluh hari setelah selesainya pilihan perwakilan oleh mesyuarat agung kawasan bagi semua kawasan yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil 25(1).
- 3.15 “tempat mengundi” maknanya mana-mana bilik, bangunan, dewan, tempat atau kereta yang dikhaskan dan dilengkapi bagi maksud mengundi dan pengiraan undi.
- 3.16 “tempoh pengundian” berhubungan dengan sesuatu pemilihan makna tempoh membuang undi yang ditetapkan untuk mengundi dalam Notis yang dikeluarkan di bawah Aturan 20.
- 3.17 “Undang-undang Kecil” maknanya Undang-undang Kecil Koperasi ini.

4. PENGURUSAN PEMILIHAN

- 4.1 Pengurusan pemilihan adalah terserah kepada sebuah badan bebas/berkecuali yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemilihan.
- 4.2 Jawatankuasa Pemilihan hendaklah terdiri dari lima anggota seperti berikut:
 - 4.2.1 Seorang yang dicadangkan atas namanya sendiri oleh Ketua Pendaftar dan bukan sebagai wakil Ketua Pendaftar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan;
 - 4.2.2 Setiausaha Koperasi ini sebagai Setiausaha (ex officio) Jawatankuasa Pemilihan;
 - 4.2.3 Wakil ANGKASA;
 - 4.2.4 Wakil Maktab Kerjasama Malaysia;

- 4.2.5 Wakil Juruaudit Luar semasa koperasi ini;
- 4.3 Perlantikan Jawatankuasa Pemilihan hendaklah diuruskan oleh Lembaga.
- 4.4 Pada menguruskan perlantikan Jawatankuasa Pemilihan, Lembaga adalah dengan khususnya berkuasa untuk menggantikan mana-mana badan-badan yang tersebut dalam Aturan 4.2 dengan badan bebas yang lain jika ia enggan melantik wakilnya atau enggan melantik sesuatu orang seperti dikehendaki oleh Aturan 4.2 untuk menyertai Jawatankuasa Pemilihan atau setelah melantik wakilnya, sesuatu badan tersebut enggan meneruskan penyertaan dalam Jawatankuasa Pemilihan.
- 4.5 Perlantikan wakil mana-mana badan-badan atau orang yang dilantik oleh mana-mana badan-badan yang tersebut dalam Aturan 4.2 boleh ditamatkan hanya dengan undi 10 dari 12 anggota Lembaga dalam mesyuarat Lembaga dimana penamatan perlantikan tersebut telah dimasukkan dalam agenda mesyuarat Lembaga tersebut.
- 4.6 Jawatankuasa Pemilihan boleh melantik beberapa pegawai yang difikirkan perlu dengan apa juga gelaran untuk perjalanan sesuatu pemilihan dan menentukan bidang tugas mereka. Perlantikan di bawah Aturan ini hendaklah termasuk satu atau lebih Pegawai Pengurus Pencalonan yang boleh terdiri dari kalangan kakitangan Koperasi ini.
- 4.7 Setiausaha hendaklah menjadi ketua jentera adminstratif Jawatankuasa Pemilihan. Setiausaha adalah pada setiap masa dan dalam semua hal, tertakluk kepada penyeliaan, arahan dan kawalan Jawatankuasa Pemilihan dan beliau hendaklah:
- 4.7.1 melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa Pemilihan;
 - 4.7.2 menjalankan mana-mana tugas Jawatankuasa Pemilihan yang diwakilkan kepadanya oleh Jawatankuasa Pemilihan samada secara bertulis atau lisan.
 - 4.7.3 menandatangani bagi pihak Jawatankuasa Pemilihan segala notis, pengumuman, dan sebarang dokumen yang dikeluarkan di atas nama dan bagi pihak Jawatankuasa Pemilihan; dan
 - 4.7.4 mempunyai sebarang kuasa dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan.
- 4.8 Jawatankuasa Pemilihan:
- 4.8.1 hendaklah menjalankan kawalan dan penyeliaan keatas perjalanan pemilihan supaya menentukan ianya dijalankan dengan adil dan tidak berat sebelah dalam segala perkara berkaitan dengan pemilihan;
 - 4.8.2 adalah berkuasa untuk mengeluarkan kepada Badan Perjalanan Pengundian dan pegawai-pegawainya apa-apa arahan yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Pemilihan untuk menentukan pemilihan berjalan dengan baik;
 - 4.8.3 hendaklah melaksanakan dan menjalankan segala kuasa dan tugas lain yang tidak bercanggah dengan Akta, Peraturan-Peraturan, Undang-

undang Kecil atau Aturan-Aturan ini yang difikirkannya perlu untuk perjalanan pemilihan yang baik; dan

4.8.4 adalah berkuasa untuk memutuskan sebarang perkara berkaitan dengan pemilihan yang tidak diperuntukkan dalam Akta Kaedah-Kaedah, Undang-Undang Kecil serta Aturan-Aturan ini.

4.9 Jawatankuasa Pemilihan boleh mewakilkan, tertakluk kepada sebarang syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan perlu olehnya, apa-apa kuasa dan tugasnya kepada mana-mana orang atau pegawai yang difikirkan patut. Dengan syarat bahawa tiada sesuatu perwakilan ini boleh menyentuh perjalanan kuasa-kuasa atau pelaksanaan tugas-tugas itu oleh Jawatankuasa Pemilihan.

5. DAFTAR PEMILIH

5.1 Setiap tahun Lembaga adalah bertanggungjawab untuk menyediakan daftar pemilih yang mengandungi nombor keanggotaan, nama, nombor kad pengenalan dan alamat rumah semua perwakilan yang layak menjadi pemilih bagi tujuan sesuatu pemilihan pada tarikh yang ditetapkan.

5.2 Daftar pemilih hendaklah dibahagikan mengikut kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan di bawah Undang-Undang Kecil 25(1).

5.3 Lembaga hendaklah menyerahkan daftar pemilih kepada Jawatankuasa Pemilihan bersama dengan notis yang tersebut dalam Aturan 6.2.

5.4 Seorang perwakilan adalah layak dimasukkan dalam daftar pemilih jika, pada tarikh yang ditentukan beliau telah dipilih menjadi perwakilan bagi sesuatu kawasan mesyuarat oleh mesyuarat agung tahunan yang lalu untuk kawasan itu.

5.5 Tanpa menghiraukan peruntukkan Peraturan 5.4, nama perwakilan yang berikut tidak boleh dimasukkan dalam daftar pemilih:

5.5.1 Perwakilan yang tidak menjelaskan yuran bulanan berdasarkan gaji bulanan sebenarnya bagi tiga bulan berturut-turut dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh yang ditentukan; atau,

5.5.2 Perwakilan yang mempunyai tanggungan kepada Koperasi kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut dan tanggungan ini bukan disebabkan oleh majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini; atau

5.5.3 Perwakilan yang keanggotaannya telah digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(1); atau

5.5.4 Dimansuhkan

5.5.5 Perwakilan yang hilang kelayakan sebagai anggota di bawah Undang-undang Kecil 19.

Pindaan
MAPT 250606

Pindaan
MAPT 250606

- 5.6 Dalam tempoh yang tidak melebihi satu bulan dari tarikh yang ditentukan, Lembaga hendaklah menyampaikan kepada setiap perwakilan maklumat yang berikut:
- 5.6.1 Samada nama perwakilan itu tidak dimasukkan dalam daftar pemilih dan sebab atau sebab-sebab berkenaan; atau,
- 5.6.2 Nama perwakilan itu ada dalam daftar pemilih dan nombornya dalam daftar pemilih tersebut.

Disyaratkan bahawa perwakilan yang tidak menerima maklumat yang ditetapkan dalam Aturan ini dalam jangkamasa dua bulan selepas Mesyuarat Kawasan dimana beliau dipilih menjadi perwakilan hendaklah memberitahu hakikat ini secara bertulis kepada Setiausaha dan perkara ini hendaklah, mutatis mutandis, diuruskan menurut peruntukan Aturan 5.7, 5.8 dan 5.9 di bawah.

- 5.7 Perwakilan yang namanya tidak dimasukkan dalam daftar pemilih boleh mengemukakan bantahannya dengan bertulis kepada Lembaga tidak lewat daripada genap sepuluh (10) hari dari tarikh dokumen memberitahu beliau yang namanya tidak dimasukkan dalam daftar pemilih. Bantahan anggota tersebut hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga yang mesti menyampaikan keputusan bertulis mereka dengan memberi sebab-sebabnya tidak lewat daripada genap empat belas (14) hari selepas tarikh dokumen yang memberitahu anggota bahawa namanya tidak termasuk dalam daftar pemilih. Jika bantahan diterima, nama perwakilan hendaklah dimasukkan dalam daftar pemilih.
- 5.8 Perwakilan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga di bawah Aturan 5.7 di atas boleh merayu kepada Jawatankuasa Pemilihan. Rayuan tersebut hendaklah dikemukakan dengan bertulis kepada Setiausaha tidak lewat daripada genap empat (4) hari selepas tarikh surat memberitahu keputusan Lembaga dikirimkan kepada calon yang berkenaan. Jawatankuasa Pemilihan hendaklah menyampaikan kepada anggota yang membuat rayuan keputusan bertulis mereka dengan memberikan sebab-sebab tidak lewat daripada genap empat belas (14) hari selepas dokumen yang memberitahu keputusan Lembaga di bawah Aturan 5.7 di atas. Jika Jawatankuasa Pemilihan membenarkan rayuan tersebut, nama perwakilan berkenaan hendaklah ditambah kepada daftar pemilih.
- 5.9 Jika Jawatankuasa Pemilih menolak rayuan yang dikemukakan di bawah Aturan 5.8 perwakilan berkenaan boleh merujuk dan melaporkan pertikaian di antara Koperasi ini (bukan Jawatkuasa Pemilihan) dan beliau sendiri kepada Ketua Pendaftar di bawah Undang-undang Kecil 80 Koperasi ini.
- 5.10. Di atas permohonan Lembaga atau mana-mana anggota, Jawatankuasa Pemilihan adalah berkuasa untuk membatalkan dan mengeluarkan dari daftar pemilih nama mana-mana perwakilan yang didapati tidak layak dimasukkan dalam daftar pemilih. Disyaratkan bahawa nama sebarang perwakilan tidak boleh dibatal dan dikeluarkan dari daftar pemilih tanpa memberinya peluang untuk tunjuk sebab mengapa namanya tidak seharusnya dibatal dan dikeluarkan dari daftar pemilih. Perwakilan yang membantah keputusan Jawatankuasa Pemilihan di bawah Aturan ini boleh merujuk dan melaporkan

pertikaian di antara koperasi ini (bukan Jawatankuasa Pemilihan) dan beliau sendiri di bawah Undang-undang Kecil 80 Koperasi ini.

- 5.11 Proses pemilihan hendaklah diteruskan walaupun pertikaian yang telah dirujuk kepada Ketua Pendaftar belum lagi diputuskan oleh Ketua Pendaftar pada tarikh pencalonan dibuka atau pengundian dijalankan.
- 5.12 Sesuatu pemilihan tidak boleh menjadi tak sah semata-mata oleh sebab memasukkan atau kekekalan atau ketinggalan nama sebarang perwakilan dari daftar pemilih atau oleh sebab keputusan Jawatankuasa Pemilihan untuk menambah atau mengeluarkan atau mengekalkan nama mana-mana anggota dari daftar pemilih.
- 5.13 Sebarang pindaan kepada daftar pemilih yang diperlukan:
 - 5.13.1 untuk melaksanakan sesuatu keputusan Jawatankuasa Pemilihan di bawah Aturan 5.8 atau 5.10;
 - 5.13.2 untuk membetulkan sesuatu kesilapan tulis-menulis;
 - 5.13.3 untuk membetulkan sesuatu salah nama atau perihai yang tidak tepat;
 - 5.13.4 untuk membatalkan nama sesuatu perwakilan yang Jawatankuasa Pemilihan berpuashati telah meninggal dunia; dan
 - 5.13.5 untuk membatalkan nama mana-mana perwakilan yang pada pendapat Jawatankuasa Pemilihan telah kehilangan haknya untuk menjadi pemilih di atas apa juga sebab; dan
 - 5.13.6 untuk menambah atau mengekalkan nama mana-mana perwakilan yang pada pendapat Jawatankuasa Pemilihan berhak menjadi pemilih boleh dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan pada bila-bila masa.
- 5.14 Diatas permintaan mana-mana calon, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah membekalnya dengan satu naskah sahaja daftar pemilih tanpa sebarang bayaran.
- 5.15 Jawatankuasa Pemilihan hendaklah membekalkan kepada sesuatu anggota senaskah daftar pemilih tertakluk kepada anggota itu menjelaskan bayaran yang ditetapkan baginya oleh Jawatankuasa Pemilihan.
- 5.16 Hanya perwakilan yang namanya ada dalam daftar pemilih yang pada masa itu berkuatkuasa berhak mengundi dalam sesuatu pilihan.

6. PERJALANAN PEMILIHAN

- 6.1 Bagi tujuan setiap pemilihan dibawah Undang-undang Kecil 35 dan/atau Undang-undang Kecil 50, Lembaga hendaklah mengeluarkan kepada Jawatankuasa Pemilihan satu notis yang menyatakan, di antara lain, bilangan kekosongan jawatan anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalamannya yang harus diisi melalui pemilihan.

- 6.2 Notis tersebut dalam Aturan hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pemilihan sekurang-kurangnya 120 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan yang akan datang.
- 6.3 Dalam jangkamasa tujuh (7) hari dari penerimaan notis yang tersebut dalam Aturan 6.1, Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan untuk merancang perjalanan pemilihan menurut Aturan-Aturan ini. Adalah dijelaskan bahawa mesyuarat dibawah Aturan ini hendaklah diadakan setelah tarikh dan masanya telah dirundingkan dengan anggota-anggota Jawatankuasa Pemilihan.

7. NOTIS PENAMAAN CALON

- 7.1 Dalam tempoh masa tidak melebihi dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan notis yang tersebut dalam Aturan 6.1, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah mengeluarkan kepada setiap pemilih dan dipapan tanda di pejabat Koperasi pengumuman penamaan calon untuk pemilihan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam. Pengumuman penamaan calon tersebut hendaklah menyatakan, di antara lain, bilangan kekosongan dalam Lembaga dan bilangan kekosongan jawatan Jawatankuasa Audit Dalam yang hendak dipenuhi, masa dan tarikh pencalonan akan dibuka dan juga masa dan tarikh pencalonan akan ditutup.
- 7.2 Pengumuman yang tersebut dalam Aturan 7.1 hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum tempoh penamaan calon dibuka.
- 7.3 Melainkan diputuskan sebaliknya oleh Jawatankuasa Pemilihan, penamaan calon akan dijalankan di pejabat Koperasi.

8. TEMPOH PENAMAAN CALON

- 8.1 Tempoh penamaan calon untuk pemilihan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam berjalan dari masa dan tarikh yang ditetapkan dalam pengumuman penamaan calon yang juga hendaklah menetapkan masa dan tarikh apabila penamaan calon akan ditutup.
- 8.2 Tempoh minima penamaan calon ialah empat belas hari.

9. KETAKLAYAKAN MENJADI CALON ANGGOTA LEMBAGA

- 9.1 Seseorang perwakilan tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga menurut Undang-undang Kecil 36, jika dia:
 - 9.1.1 telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta; atau
 - 9.1.2 telah dipecat sebagai pekerja sesuatu Koperasi berdaftar; atau

9.1.3 telah dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalam bagi Koperasi ini; atau

9.1.4 ada kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau

*Pindaan
MAPT 250606*

9.1.5 belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi ini;

9.1.6 hendaklah mempunyai yuran terkumpul sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus ringgit; atau

9.1.7 hendaklah mempunyai modal syer sekurang-kurangnya lima ratus ringgit;

*Pindaan
MAPT 250606*

9.1.8 belum lagi menjelaskan yuran bulanan sekurang-kurangnya 24 bulan berdasarkan gaji bulanan semasa sebenarnya. Disyaratkan bahawa perwakilan yang pada tarikh beliau mengemukakan pencalonan telah atau sedang membayar yuran bulanan yang tidak berdasarkan gaji bulanan sebenarnya boleh menjelaskan tunggakan yuran berkenaan, jika ada, sebelum tamatnya tempoh penamaan calon untuk melayakkan diri sebagai perwakilan calon anggota Lembaga dan sedemikian juga hendaklah menguruskan bayaran yuran sebenar untuk masa akan datang. Adalah dijelaskan bahawa tunggakan yuran berkenaan hendaklah dijelaskan dengan wang tunai. Disyaratkan lagi perwakilan tidak kehilangan untuk menjadi calon anggota Lembaga jika tunggakan yurannya berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

*Pindaan
MAPT 250606*

9.1.9 mempunyai tanggungan kepada Koperasi ini kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon anggota Lembaga jika tunggakan pinjaman/pembiayaannya berpunca dari tindakan/kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

*Pindaan
MAPT 250606*

9.1.10 mempunyai, selama tiga tahun berturut-turut, tanggungan kepada Koperasi ini sebagai penjamin, kepada sesuatu pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) Koperasi ini yang telah dituntut secara bertulis. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon anggota Lembaga **jika** beliau telah mengatitkan bayaran balik kepada Koperasi, segala tanggungannya sebagai penjamin secara ansuran dan telah menjelaskan segala ansuran yang harus dibayarkan sebelum tamatnya tempoh penamaan calon. Adalah dijelaskan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon anggota Lembaga jika tunggakan tanggungannya sebagai penjamin berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

9.1.11 adalah anggota yang keanggotaannya telah digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(2) atau 38(2).

*Pindaan
MAPT 250606*

9.1.12 Dimansuhkan

- 9.2 Seorang anggota tidak boleh bertanding serentak bagi jawatan anggota Lembaga dan jawatan Jawatankuasa Audit Dalam.

10. KETAKLAYAKAN MENJADI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 10.1 Seseorang perwakilan tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Jawatankuasa Dalam menurut Undang-undang Kecil 51 jika dia:

10.1.1 telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta; atau

10.1.2 telah dipecat sebagai pekerja mana-mana Koperasi; atau

10.1.3 telah dilantik menjadi anggota Lembaga Koperasi ini;

10.1.4 hendaklah mempunyai yuran terkumpul sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus ringgit;

10.1.5 hendaklah mempunyai modal syer sekurang-kurangnya lima ratus ringgit;

10.1.6 belum lagi menjelaskan yuran bulanan sekurang-kurangnya 24 bulan berdasarkan gaji bulanan semasa sebenarnya. Disyaratkan bahawa perwakilan yang pada tarikh beliau mengemukakan pencalonan telah atau sedang membayar yuran bulanan yang tidak berdasarkan gaji bulanan sebenarnya boleh menjelaskan tunggakan yuran berkenaan, jika ada, sebelum tamatnya tempoh penamaan calon untuk melayakkan diri sebagai calon Jawatankuasa Audit Dalam dan perwakilan sedemikian juga hendaklah menguruskan bayaran yuran sebenar untuk masa akan datang. Adalah dijelaskan bahawa tunggakan yuran berkenaan hendaklah dijelaskan dengan wang tunai. Disyaratkan lagi perwakilan tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon Anggota Lembaga jika tunggakan yurannya berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

10.1.7 Mempunyai tanggungan kepada Koperasi ini kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon Jawatankuasa Audit Dalam jika tunggakan pinjamannya/pembiayaannya berpunca dari tindakan/kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

10.1.8 mempunyai, selama tiga bulan berturut-turut tanggungan kepada Koperasi ini sebagai penjamin kepada sesuatu pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) Koperasi ini yang telah dituntut secara bertulis. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon Jawatankuasa Audit Dalam jika beliau telah mengaturkan bayaran balik kepada Koperasi, segala tanggungannya sebagai penjamin secara ansuran dan telah menjelaskan segala ansuran yang harus dibayar sebelum tamatnya

Pindaan
MAPT 250606

Pindaan
MAPT 250606

Pindaan
MAPT 250606

tempoh penamaan calon. Adalah dijelaskan bahawa sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi Jawatankuasa Audit Dalamannya jika tunggakan tanggungannya sebagai penjamin berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

10.1.9 adalah anggota yang keanggotaannya telah digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(2) atau 38(2).

10.1.10 Dimansuhkan

10.2 Seorang anggota tidak boleh bertanding serentak bagi jawatan Jawatankuasa Audit Dalamannya dan jawatan Anggota Lembaga.

*Pindaan
MAPT 250606*

11. SIJIL KELAYAKAN MENJADI CALON ANGGOTA LEMBAGA DAN SIJIL KELAYAKAN MENJADI PENCADANGNYA ATAU PENYOKONGNYA.

11.1 Setiap calon jawatan Anggota Lembaga serta pencadang dan penyokongnya hendaklah sebelum calon menyerahkan kertas pencalonannya, mendapatkan sijil kelayakan yang berikut:

11.1.1 Sijil yang mengesahkan bahawa pada tarikh yang ditentukan dan pada tarikh ianya dikeluarkan, anggota yang ingin menjadi calon Anggota Lembaga tidak melanggar kehendak Aturan 9 di atas.

11.1.2 Sijil yang mengesahkan bahawa pada tarikh yang ditentukan dan pada tarikh ianya dikeluarkan, anggota yang ingin menjadi pencadang atau penyokong bagi mana-mana calon Anggota Lembaga telah memenuhi kehendak Aturan 5.4 dan tidak melanggar Aturan 5.5 di atas. Perwakilan boleh mendapatkan sijil di bawah Aturan ini tanpa menyebut nama calon yang akan dicadangkan atau disokongkannya.

11.2 Sijil-sijil yang tersebut dalam Aturan 11.1 hendaklah dikeluarkan di atas nama Bendahari Koperasi ini samada oleh Bendahari sendiri atau wakilnya.

11.3 Sijil-sijil tersebut dalam Aturan 11.1 hendaklah diserahkan bersama dengan kertas pencalonan calon anggota Lembaga.

11.4 Sesuatu perwakilan (termasuk calon Anggota Lembaga) boleh menjadi pencadang hanya bagi satu calon anggota Lembaga sahaja dan sesuatu perwakilan (termasuk calon Anggota Lembaga) boleh menjadi penyokong hanya bagi satu calon Anggota Lembaga sahaja.

11.5 Sijil Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga atau Sijil Kelayakan Menjadi Anggota Jawatankuasa Audit Dalamannya tidak boleh dikemukakan sebagai ganti Sijil Kelayakan Menjadi Pencadang atau Penyokong calon jawatan Anggota Lembaga.

12. SIJIL KELAYAKAN MENJADI CALON JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SIJIL KELAYAKAN MENJADI PENCADANGNYA ATAU PENYOKONGNYA

- 12.1 Setiap calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman serta pencadang dan penyokongnya hendaklah sebelum calon menyerahkan kertas pencalonannya, mendapatkan sijil kelayakan yang berikut:
- 12.1.1 Sijil yang mengesahkan bahawa pada tarikh yang ditentukan dan pada tarikhnya ianya dikeluarkan calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman tidak melanggar Aturan 10.
- 12.1.2. Sijil yang mengesahkan bahawa pada tarikh yang ditentukan dan pada tarikh yang ianya dikeluarkan anggota yang ingin menjadi pencadang atau penyokong bagi mana-mana calon Jawatankuasa Audit Dalaman telah memenuhi kehendak Aturan 5.4 dan tidak melanggar Aturan 5.5 di atas. Perwakilan boleh mendapatkan Sijil Kelayakan di bawah Aturan ini tanpa menyebut nama calon yang akan dicadang atau disokongnya.
- 12.2 Sijil-sijil yang tersebut dalam Aturan 12.1 hendaklah dikeluarkan di atas nama Bendahari Koperasi ini samada oleh Bendahari sendiri atau wakilnya.
- 12.3 Sijil-sijil yang tersebut dalam Aturan 12.1 hendaklah diserahkan bersama dengan kertas pencalonan calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.
- 12.4 Sesuatu perwakilan (termasuk calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman) boleh menjadi pencadang hanya bagi satu calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman dan sesuatu perwakilan (termasuk calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman) boleh menjadi penyokong bagi satu calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman sahaja.
- 12.5 Sijil kelayakan menjadi calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman atau Sijil Kelayakan Menjadi Calon jawatan anggota Lembaga tidak boleh dikemukakan sebagai ganti Sijil Kelayakan Menjadi Pencadang atau Penyokong calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.

13. PENCALONAN

- 13.1 Setiap anggota yang telah mendapat Sijil Kelayakan yang tersebut dalam Aturan 11 boleh menjadi calon Anggota Lembaga dan setiap anggota yang telah mendapatkan Sijil Kelayakan yang tersebut dalam Aturan 12 boleh menjadi calon jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.
- 13.2 Pencalonan hendaklah dibuat dalam kertas pencalonan rasmi seperti di dalam bentuk yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan. Kertas pencalonan hendaklah diserahkan dalam tiga salinan.
- 13.3 Setiap borang pencalonan untuk jawatan anggota Lembaga atau jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah disertakan dengan sijil-sijil kelayakan yang tersebut dalam Aturan 11 atau 12 mengikut mana yang berkenaan dan

hendaklah diisi dengan lengkap dan betul dan hendaklah menyatakan:

- 13.3.1 Bagi perwakilan yang ingin menjadi calon, nama penuhnya seperti dalam rekod Koperasi, nama-nama lain, jika ada, nombor kad pengenalnya, nombor pendaftaran keanggotaannya, pekerjaannya dan alamatnya serta nombor telefonnya, jika ada, di mana beliau boleh dihubungi mengenai pemilihan.
- 13.3.2 nama penuh seperti dalam rekod Koperasi, nombor kad pengenalan, nombor pendaftar keanggotaan dan alamat semasa serta nombor telefon, jika ada, seorang pencadang dan seorang penyokong.
- 13.3.3 pengakuan daripada calon bahawa beliau bersetuju menjadi calon dan, jika terpilih, bersedia untuk berkhidmat sebagai anggota Lembaga atau Jawatankuasa Audit Dalaman mengikut mana yang berkenaan.
- 13.4 Tanpa menghiraukan peruntukkan Aturan 13.3 tiada kertas pencalonan boleh ditolak atas sebab:-
 - 13.4.1 apa-apa kesalahan atau ketinggalan dalam kertas pencalonan berhubungan dengan perihal atau apa-apa butir berkenaan dengan calon itu, atau pencadangnya, atau penyokongnya, jika butir-butir yang terkandung dalam kertas pencalonan adalah mencukupi untuk mengecam calon itu atau pencadangnya atau penyokongnya mengikut mana yang berkenaan.
 - 13.4.2 apa-apa kesalahan atau ketinggalan berkenaan dengan mana-mana tempat yang dinyatakan dalam kertas pencalonan itu, jika tempat itu adalah selainnya mencukupi ditentukan daripada butir-butir yang diberi dalam kertas pencalonan itu; atau
 - 13.4.3 apa-apa kesalahan atau ketinggalan lain, calon atau pencadangnya atau penyokongnya yang boleh dibetulkan dan diperbetulkan sebelum tutup pencalonan apabila ianya di bawa kepada perhatian calon.
- 13.5 Jawatankuasa Pemilihan hendaklah menolak kertas pencalonan yang:
 - 13.5.1 Diserah setelah tamatnya tempoh penamaan calon; atau
 - 13.5.2 Tidak memenuhi atau tidak dapat memenuhi kehendak Aturan 11.3 atau 12.3, mengikut mana yang berkenaan, selepas calon atau, melalui calon, pencadangnya atau penyokongnya diminta menguruskan perkara ini menurut peruntukkan Aturan 13.4.3.
- 13.6 Setiausaha hendaklah mengeluarkan surat tanda terima apabila sahaja tiap-tiap kertas pencalonan diterima daripada tiap-tiap orang calon.
- 13.7 Tidak lewat daripada genap tujuh (7) hari kerja selepas hari yang ditetapkan sebagai hari pencalonannya ditutup, Setiausaha hendaklah memberitahu kepada tiap-tiap calon secara bertulis samada pencalonannya telah dianggap sah atau pun tidak.

14. PEMILIHAN YANG TIDAK DIPERTANDINGKAN

- 14.1 Jika, selepas penamaan calon ditutup dan kertas pencalonan telah diuruskan, Jawatankuasa Pemilihan menentukan bahawa bilangan calon adalah sama dengan kekosongan dalam sebarang pemilihan, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah mengumumkan calon-calon tersebut sebagai terpilih untuk mengisi kekosongan tersebut. Disyaratkan bahawa dalam keadaan yang dikuasai oleh peruntukkan Undang-undang Kecil 37(2) kedudukan calon-calon bagi tujuan Undang-undang Kecil 37(3) hendaklah ditentukan melalui cabutan yang hendaklah dijalankan oleh Jawatankuasa Pemilihan. Semua calon yang terlibat hendaklah dijemput menghadiri cabutan tersebut yang akan dijalankan di tempat dan masa yang ditetapkan bagi tujuan ini walaupun satu atau lebih atau kesemua calon yang dijemput tidak hadir.
- 14.2 Jika, selepas tempoh penamaan calon ditutup, Jawatankuasa Pemilihan menentukan bahawa bilangan calon yang sah adalah kurang dari kekosongan yang hendaklah diisi Jawatankuasa Pemilihan hendaklah mengumumkan calon-calon yang sah itu sebagai terpilih dan mengadakan penamaan calon sekali lagi untuk menerima pencalonan bagi bilangan calon yang tidak ada pencalon.
- 14.3 Jika selepas tempoh pencalonan ditutup, Jawatankuasa menentukan bahawa tiada sebarang pencalonan yang sah, Jawatankuasa hendaklah mengadakan penamaan calon sekali lagi.
- 14.4 Jika, selepas tempoh penamaan calon tetapi sebelum kertas undi dicetak mana-mana calon meninggal dunia atau hilang kelayakan daripada menjadi calon dalam pemilihan atau menarik balik pencalonan secara bertulis, nama beliau hendaklah dikeluarkan dari kertas undi. Jika kematian atau kehilangan kelayakan daripada menjadi calon dalam pemilihan atau penarikan balik pencalonan itu menyebabkan bilangan calon sama dengan kekosongan jawatan, peruntukkan Aturan 14.1, hendaklah dipakai.

15. PEMILIHAN YANG DIPERTANDINGKAN

- 15.1 Jika, selepas tempoh penamaan calon ditutup dan kertas pencalonan telah diuruskan, Jawatankuasa Pemilihan menentukan bahawa bilangan calon adalah melebihi kekosongan yang hendak diisi, Jawatankuasa Pemilihan akan menjalankan pengundian menurut Aturan-Aturan ini.
- 15.2 Kertas undi hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan tetapi hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi butir-butir yang berikut mengenai setiap calon:
 - 15.2.1 Nama penuhnya
 - 15.2.2 Nombor Pendaftaran Keanggotaannya
 - 15.2.3 Pekerjaannya
 - 15.2.4 Majikannya
 - 15.2.5 Kawasan mesyuarat agung daerahnya
- 15.3 Tidak lewat daripada genap tujuh hari dari tarikh surat memberitahunya yang pencalonannya dianggap sah di bawah Aturan 13.7, setiap calon hendaklah memberitahu Setiausaha bagaimana ia berkehendakkan namanya dicetak dalam kertas undi dan bagi maksud ini ia boleh meninggalkan atau

menyatakan dengan huruf-huruf ringkas sahaja mana-mana bahagian daripada namanya. Disyaratkan bahawa gelaran (Tan Sri, Dato, Haji atau ringkasannya) dan ijazah-ijazah (B.Sc., Ph.D, AICA) tidak boleh disebut sebagai bahagian daripada atau tambahan kepada nama calon.

- 15.4 Tata'cara susunan nama-nama calon yang akan diterbitkan di atas kertas undi akan ditentukan melalui cabutan oleh Jawatankuasa Pemilihan. Setiap calon atau satu wakilnya boleh menyaksikan cabutan tersebut yang akan dijalankan di masa, tarikh dan tempat yang hendaklah diumumkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pemilihan. Cabutan tersebut akan dijalankan di masa dan tempat yang ditentukan bagi tujuan itu walaupun satu atau lebih atas kesemua calon atau wakil-wakil mereka tidak hadir.
- 15.5 Percetakan kertas undi hendaklah diuruskan oleh Jawatankuasa Pemilihan tanpa melibatkan seorang anggota Koperasi ini.
- 15.6 Tiap-tiap kertas undi hendaklah mempunyai satu nombor yang dicetak pada sudut kiri disebelah atasnya dan hendaklah tercantum pada suatu keratan yang mempunyai nombor yang sama tercetak padanya.

16. BADAN PERJALANAN PENGUNDIAN

- 16.1 Jawatankuasa Pemilihan hendaklah melantik sebuah Badan Perjalanan Pengundian yang terdiri daripada 6 kakitangan Koperasi ini.
- 16.2 Badan Perjalanan Pengundian hendaklah sentiasa tertakluk kepada penyeliaan, pengawalan dan arahan Jawatankuasa Pemilihan dalam sebarang perkara mengenai pengundian.
- 16.3 Seorang dari anggota Badan Perjalanan Pengundian dilantik sebagai menjadi Setiausaha Badan Perjalanan Pengundian dan seorang hendaklah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Badan Perjalanan Pengundian untuk membantu dan ambil alih tugas Setiausaha pada masa Pengerusi tidak dapat hadir atau menjalankan tugas-tugasnya di atas apa jua sebab.
- 16.4 Setiausaha hendaklah menjadi Pengerusi Badan Perjalanan Pengundian dan hendaklah bertugas sebagai pegawai penyelarasan di antara Jawatankuasa Pemilihan dan Badan Perjalanan Pengundian.
- 16.5 Tertakluk kepada arahan dan panduan anggota Jawatankuasa Pemilihan, Badan Perjalanan Pengundian hendaklah menguruskan keseluruhan pengundian bagi sesuatu pemilihan selaras dengan peruntukkan Aturan-Aturan ini dan adalah diberi bidang kuasa dan kewajipan yang termasuk yang berikut:
 - 16.5.1 Menentu dan menyediakan tempat mengundi seperti ternyata dalam Aturan 17 di bawah;
 - 16.5.2 Mengadakan di tempat mengundi kemudahan-kemudahan yang berpatutan supaya pengundi-pengundi dapat membuang undi menurut Aturan-Aturan ini;

16.6 Untuk menjalankan tugas-tugasnya, Badan Perjalanan Pengundian hendaklah melantik:

16.6.1 Seorang Ketua Tempat Mengundi yang hendaklah menjalankan tugas-tugas yang ditentukan baginya oleh Aturan-Aturan ini;

16.6.2 Seorang timbalan ketua tempat mengundi;

Disyaratkan bahawa Pengerusi dan/atau Setiausaha Badan Perjalan Pengundian boleh, semasa pengundian berjalan dan/atau dalam keadaan yang memerlukan tindakan segera, dengan sendirinya, melantik pengganti bagi sebarang pegawai yang ternyata dalam Aturan ini.

16.7 Pada menjalankan kewajibannya Badan Perjalan Pengundian boleh dibantu oleh kakitangan lain Koperasi ini.

Pindaan
MAPT 250606

17. TEMPAT MENGUNDI

17.1 Setiap pemilih hendaklah mengundi ditempat mengundi yang telah ditetapkan ditempat dimana mesyuarat agung perwakilan tahunan berlangsung.

17.2 Sebelum pengundian bermula, setiap tempat mengundi hendaklah ditampal dengan notis yang mudah dilihat supaya ianya dapat dicam sebagai tempat mengundi.

17.3 Semasa pengundian dijalankan ketua tempat mengundi hendaklah mempamerkan di sebelah luar tempat mengundi satu notis yang memberi arahan-arahan untuk panduan pengundi-pengundi dalam amalan mengundi seperti dalam **Jadual Pertama**.

17.4 Setiap tempat mengundi hendaklah dilengkapi untuk membolehkan pemilih-pemilih dapat menandakan undi-undi mereka secara sulit. Disyaratkan sesuatu pemilihan tidak boleh menjadi sah semata-mata oleh sebab kehendak ini tidak dipenuhi dengan sempurna.

17.5 Tempat mengundi hendaklah dibuka untuk pengundian pada hari mengundi dari masa pembukaan hingga masa penutupan bagi pengundian yang disiarkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pemilihan. Tiada seseorang pemilih pun yang boleh masuk ke dalam atau mengundi di tempat mengundi sebelum masa pembukaan dan selepas masa pengundian.

17.6 Kecuali calon-calon atau wakil mereka atau petugas-petugas yang dibenarkan di bawah Aturan-Aturan ini, tidak seorang lain yang dibenarkan masuk ke tempat mengundi pada masa pengundian dijalankan. Petugas-petugas hendaklah mengawal bilangan pengundi-pengundi yang hendak dibenarkan masuk pada satu masa dan masa pengundian dijalankan di tempat mengundi.

17.7 Jika seseorang melakukan perbuatan salah laku atau tidak mematuhi perintah-perintah yang sah daripada pegawai-pegawai pemilihan tempat mengundi, orang itu boleh dengan serta merta dikeluarkan dari tempat mengundi dan orang yang dikeluarkan sedemikian tidak boleh masuk ke tempat undi itu pada hari mengundi itu walaupun orang itu merupakan pemilih yang masih belum

Pindaan
MAPT 250606

mengundi. Pengawai yang menjalankan kuasa yang diberi oleh Aturan hendaklah mengemukakan laporan bertulis mengenai peristiwa sedemikian kepada Jawatankuasa Pemilihan melalui Badan Perjalanan Pengundian.

18. PETI UNDI

- 18.1 Koperasi ini hendaklah menyediakan bilangan peti undi yang berpatutan bagi tujuan sesuatu pemilihan.
- 18.2 Tiap-tiap peti undi hendaklah dibuat dengan sesuatu cara supaya kertas undi boleh dimasukkan ke dalamnya tetapi tidak boleh diambil keluar melainkan dengan membuka kunci peti itu.
- 18.3 Ketua tempat mengundi di tempat hendaklah, sebelum sahaja pengundian dimulakan, menunjukkan tiap-tiap satu peti yang hendaklah digunakan kepada orang-orang yang hadir secara sah di tempat mengundi itu supaya mereka boleh menyaksikan bahawa peti itu adalah kosong.
- 18.4 Kemudiannya, Ketua tempat mengundi hendaklah mengunci peti itu dan melekatkan metrinya dengan sesuatu cara supaya peti itu tidak boleh dibuka tanpa dipecahkan metri itu dan peti undi itu tidak boleh dibuka sehingga pengundian itu ditutup. Orang-orang yang hadir secara sah pada masa peti undi itu dimetrikkan oleh Ketua tempat mengundi boleh, jika mereka mahu, menurunkan metri atau tandatangan masing-masing dekat metri Ketua tempat mengundi.
- 18.5 Ketua tempat mengundi hendaklah menyimpan peti undi itu dalam jagaannya sehingga pembuangan undi ditutup.
- 18.6 Tempat mengundi hendaklah dibekalkan dengan satu peti undi untuk calon anggota Lembaga dan satu peti undi lain untuk calon Jawatankuasa Audit Dalaman melainkan pemilihan itu adalah hanya untuk jawatan anggota Lembaga sahaja atau hanya untuk jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman sahaja.

19. CARA MENGUNDI

- 19.1 Undi-undi hendaklah dibuang dengan undi sulit dan undi-undi sulit seseorang pengundi hendaklah terdiri dari satu kertas undi bagi pemilihan anggota Lembaga dan satu kertas undi yang lain bagi pemilihan Jawatankuasa Audit Dalaman
- 19.2 Setiap pengundi hendaklah diberi satu kertas undi bagi pemilihan anggota Lembaga dan satu kertas undi bagi pemilihan Jawatankuasa Audit Dalaman.
- 19.3 Untuk mendapatkan kertas undi, seorang pengundi hendaklah mengemukakan kad pengenalnya supaya nama dan nombor kad pengenalan pengundi dapat disahkan sebagai sama dengan butir-butirnya dalam daftar pemilih. Pengundi itu kemudian hendaklah menurunkan tandatangannya bersetentangan dengan namanya dalam daftar pemilih untuk menunjukkan bahawa satu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya seperti yang akan dilakukan sebaik sahaja beliau

selesai menandatangani daftar pemilih menurut Aturan ini.

- 19.4 Kertas undi yang dikeluarkan kepada setiap pengundi hendaklah dicap dengan tanda rasmi ketua tempat mengundi itu dan ditandatangani oleh Ketua tempat mengundi atau seorang yang bertugas di bawah kuasanya.
- 19.5 Apabila menerima kertas undi itu, pengundi hendaklah segera pergi ke suatu ruang dalam tempat mengundi yang ditentukan dan disitu pengundi hendaklah secara sulit menandakan kertas itu mengikut arahan-arahan yang diberi untuk panduan pengundi-pengundi menandakan undinya.
- 19.6 Kemudian pengundi itu hendaklah melipat kertas undi itu dan memasukkannya ke dalam peti undi dan dengan tidak membuang masa ia hendaklah meninggalkan kawasan tempat mengundi itu.
- 19.7 Ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh menanya mana-mana pengundi samada pengundi itu faham cara mengundi dan jika difikirkannya patut, atas permintaan mana-mana pengundi, boleh menerangkan kepada pengundi itu dalam pendengaran mana-mana ejen tempat mengundi yang hadir di situ, cara mengundi, pada berbuat demikian ia hendaklah berhati-hati supaya tidak membuat apa-apa jua yang boleh ditafsirkan sebagai nasihat atau arahan untuk mengundi mana-mana calon tertentu.
- 19.8 Ketua tempat mengundi boleh semasa pengundian sedang berjalan mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan bahawa pengundi tidak berlengah-lengah secara tidak wajar disesuatu tempat yang dikhaskan bagi menandakan kertas-kertas undi.
- 19.9 Seseorang pengundi yang telah melakukan sesuatu dengan cara tidak sengaja ke atas kertas undinya hingga tidak boleh digunakan sebagai kertas undi boleh mengembalikannya kepada Ketua tempat mengundi dan jika Ketua tempat mengundi puashati bahawa keadaan kertas undi itu disebabkan oleh perbuatan tidak sengaja, ia hendaklah mengeluarkan suatu kertas undi lain bagi menggantikan kertas undi yang dikembalikan itu, dan kertas undi yang dikembalikan itu hendaklah dalam Aturan-Aturan ini disebut “kertas undi rosak” dan kertas undi rosak itu hendaklah segera dibatalkan oleh Ketua tempat mengundi.
- 19.10 Jika seseorang yang menyatakan dirinya sebagai seorang pemilih tertentu yang ada namanya dalam daftar pemilih meminta kertas undi selepas seorang lain direkodkan sebagai telah mengundi sebagai pemilih yang demikian, orang yang meminta itu adalah berhak mendapat satu kertas undi dan mengundi jika beliau berjaya menyakinkan Ketua tempat mengundi bahawa beliau adalah pemilih yang dinamakan dalam daftar pemilih. Sesuatu pilihan tidak boleh dipersoalkan kerana cara Ketua tempat mengundi atau orang yang bertugas di bawah kuasanya menjalankan kuasa yang diberinya oleh Aturan ini.
- 19.11 Tiada sesuatu kertas undi boleh dikeluarkan kepada pengundi selepas waktu yang ditetapkan bagi menutup pengundian tetapi jika pada waktu itu ada seseorang pengundi di dalam tempat mengundi itu yang kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi itu hendaklah dibenarkan mencatatkan undinya.
- 19.12 Jika di atas apa-apa sebab juga, pengundian tidak dijalankan seperti

dijadualkan atau setelah pengundian dimulakan ianya tidak dapat diteruskan, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah membatalkan pengundian berkenaan dan hendaklah menetapkan dengan notis kepada setiap pemilih berkenaan satu tarikh baru bagi pengundian di tempat yang disebut dalam notis itu.

20. TEMPAT DAN MASA PENGUNDIAN

Jawatankuasa pemilihan hendaklah menyiarkan kepada setiap pemilih satu notis menentukan:

tempat mengundi bagi sesuatu pemilihan yang hendaklah sama dengan tempat dimana mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang dijadualkan berlangsung;

20.1.2 hari mengundi bagi sesuatu pemilihan yang hendaklah sama dengan tarikh mesyuarat agung perwakilan yang akan datang dijadualkan berlangsung.

20.1.3 masa pengundian pada hari mengundi iaitu bila Mesyuarat Agung Perwakilan sampai perkara dalam agendanya yang bertajuk “Memilih anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman.”

Disyaratkan bahawa jika pengundian tidak dapat dijalankan pada tempat atau hari atau masa seperti tersebut dalam Aturan ini, maklumat tempat, hari dan masa pengundian baru hendaklah disampaikan kepada semua perwakilan.

Notis yang tersebut dalam aturan 20.1 hendaklah mengumumkan bahawa undi-undi yang dibuang dalam sesuatu pemilihan akan dikira ditempat membuang undi (selepas ini disebut “tempat membuang undi”) dengan seberapa segera yang praktik selepas pengundian ditutup. Disyaratkan bahawa jika pengiraan undi kemudian tidak dapat dijalankan ditempat pengiraan undi atau dimasa pengiraan undi yang tersebut dalam notis itu, maklumat tentang tempat pengiraan undi yang baru ada/atau masa pengiraan undi yang baru, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah disampaikan kepada semua pemilih dalam sesuatu pemilihan.

Notis di bawah Aturan 20.1 hendaklah dikeluarkan sebelum atau serentak dengan notis penamaan calon.

21. TEMPAT DAN MASA PENGIRAAN UNDI

21.1 Tertakluk kepada Aturan 25.4, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah menentukan tempat pengiraan undi bagi semua undi yang dibuat bagi sesuatu pemilihan.

21.2 Tempat pengiraan undi serta masa bila pengiraan undi dijadual untuk dikira hendaklah diumumkan menurut peruntukkan 20.2.

21.3 Tempat pengiraan undi hendaklah diletak di bawah seorang Ketua Pengiraan

Undi yang dilantik di bawah Aturan 23.3 yang berkuasa terhadap segala hal berkaitan dengan pengiraan undi.

22. TATACARA APABILA PENGUNDIAN DITUTUP

- 22.1 Dengan seberapa segera yang praktik selepas pengundian ditutup Ketua Tempat Mengundi hendaklah di hadapan calon-calon atau wakil-wakil mereka yang hadir:
- 22.1.1 mendapatkan peti undi di tempat mengundi dan menutup peti undi itu bagi mencegah apa-apa kertas undi dimasukkan selepas itu;
 - 22.1.2 menentukan bilangan kertas-kertas undi yang dikeluarkan kepada pengundi-pengundi di tempat mengundi dan bilangan kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan kertas-kertas undi rosak;
 - 22.1.3 menyediakan Borang Penyata Kertas Undi (merekodkan bilangan kertas undi yang diuruskan di bawah Aturan 22.1.2) dalam bentuk seperti dalam **Jadual Kedua** yang hendaklah diperakui oleh Ketua Tempat Mengundi dan ditandatangani oleh mana-mana calon atau wakil-wakil mereka yang hadir yang berkehendak menandatangani; dan
 - 22.1.4 memasukkan ke dalam bungkusan-bungkusan yang berasingan:
 - (i) kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan kertas-kertas undi rosak disatukan bersama; dan
 - (ii) salinan-salinan daftar pemilih yang telah ditanda dan keratan-keratan kertas undi.
 - 22.1.5 Menutup setiap bungkusan-bungkusan yang dinyatakan dalam Aturan 22.1.4 dengan menandatangani dan bungkusan-bungkusan itu boleh ditandatangani oleh mana-mana calon atau wakil-wakil calon-calon yang hadir pada masa itu yang berkehendakan menandatangani; dan,
 - 22.1.6 menutup peti undi tersebut.
- 22.2 Dengan seberapa segera yang praktik setelah tamatnya prosiding di bawah Aturan 22.1, Ketua Tempat Mengundi hendaklah membawa peti undi itu ke tempat pengiraan undi (jika perlu) dan/atau menyerahkannya kepada Ketua Pengiraan Undi atau orang yang dibenarkan menerimanya di bawah kuasa bertulis Ketua Pengiraan Undi yang hendaklah menyimpannya serta memastikan ianya tidak dibuka oleh sesiapa pun sehingga masa permulaan pengiraan undi.
- 22.3 Tatacara dalam Aturan ini hendaklah dikenakan kepada kedua-duanya pemilihan anggota Lembaga serta pemilihan Jawatankuasa Audit Dalaman.

23 JAWATANKUASA PENGIRAAN UNDI

*Pindaan
MAPT 250606*

- 23.1 Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Pengiraan Undi yang terdiri dari enam perwakilan yang tidak bertanding.
- 23.2 Jawatankuasa Pengiraan Undi adalah diberikan kewajipan dan bidang kuasa yang berikut:
- 23.2.1 Menerima kertas undi dari Ketua Tempat Mengundi;
 - 23.2.2 Menjalankan tugas-tugas pengiraan kertas-kertas undi dengan kemas, teratur dan memasti bahawa pengiraan kertas undi adalah betul.
 - 23.2.3 Merekodkan kesemua kertas-kertas undi serta menjumlahkan bilangan undi yang dikira bagi tiap-tiap calon yang bertanding;
 - 23.2.4 Mengumumkan jumlah undi yang didapati oleh setiap calon dan kedudukan calon-calon yang bertanding dalam pemilihan dalam Borang seperti yang ditentukan dalam jadual kedua;
 - 23.2.5 Mengira semula kertas-kertas undi sekali sahaja jika dua calon dibandingkan dengan jarak undi sebanyak 2% atau kurang daripada jumlah bilangan undi yang dibuang atas permintaan salah seorang calon atau wakilnya yang dibuat sebaik sahaja keputusan pemilihan diumumkan;
 - 23.2.6 Mengira semula kertas-kertas undi sekali sahaja jika diarah oleh Jawatankuasa Pemilihan atas apa sebab jua;
 - 23.2.7
 - 23.2.8 Tanpa menghiraukan peruntukkan Aturan 23.2.5 dan 23.2.6, Jawatankuasa Pengiraan Undi adalah dengan khususnya dianugerahkan kuasa untuk mengira semula kertas-kertas undi seberapa kali yang difikirnya perlu mengikut budibicaranya untuk memuaskan diri bahawa pengiraan undi adalah betul.
 - 23.2.9 Menyerah keputusan pengundian dalam Borang seperti ditentukan dalam Jadual Kedua setelah ianya diumumkan menurut kehendak Aturan 24.2.3 seperti yang ditentukan dalam Aturan 24.11.
- 23.3 Untuk menjalankan tugas-tugasnya Jawatankuasa Pengiraan Undi hendaklah melantik:
- 23.3.1 Seorang ketua pengiraan undi yang hendaklah menjalankan segala tugas-tugas yang ditentukan baginya oleh Aturan-Aturan ini;
 - 23.3.2 Seorang timbalan ketua pengiraan undi untuk membantu Ketua Pengiraan Undi dan ambil alih tugas Ketua Pengiraan Undi jika keadaan memerlukan.

Disyaratkan bahawa Jawatankuasa Pengiraan Undi boleh, dengan sendirinya, semasa pengundian berjalan dan/atau dalam keadaan yang memerlukan

tindakan segera, melantik pengganti bagi sebarang pegawai yang ternyata dalam Aturan ini.

23.3.3 Pada menjalankan kewajibannya, Jawatankuasa Pengiraan Undi boleh dibantu oleh kakitangan Koperasi ini.

24. PENGIRAAN UNDI OLEH KETUA PENGIRAAN UNDI

24.1 Tiada seorang pun selain daripada:

24.1.1 anggota-anggota dan pegawai-pegawai Jawatankuasa Pemilihan;

24.1.2 anggota-anggota Badan Perjalanan Pengundian dan kakitangannya (termasuk Ketua Tempat Mengundi dan mana-mana pegawai dan kakitangan lain yang dilantikannya);

24.1.3 Ketua pengiraan undi dan pembantu-pembantunya; dan

24.1.4 calon-calon dan wakil-wakil mereka yang namanya telah diberitahu secara bertulis terlebih dahulu kepada Ketua tempat mengundi boleh hadir pada masa dan ruang pengiraan undi.

24.2 Sebelum Ketua Pengiraan Undi mula mengira undi, dia atau orang-orang yang diberikuasa olehnya hendaklah, dihadapan calon-calon atau wakil-wakil mereka yang hadir.

24.2.1 membuka peti undi dan mengeluarkan kertas-kertas undi yang didapati di dalamnya; dan

24.2.2 membandingkan bilangan kertas-kertas undi di dalam peti itu dengan Borang Penyata Kertas Undi yang tersebut dalam Aturan 22.1.3 dan memastikan bahawa semua kertas undi diambil kira.

24.3 Jika, dalam membandingkan bilangan kertas-kertas undi dengan Borang Penyata Kertas Undi yang disebut dalam Aturan 22.1.3 didapati bahawa bilangan kertas-kertas undi di dalam peti undi melebihi bilangan yang dinyatakan sebagai berada di dalamnya mengikut Penyata tersebut, tatacara yang tidak dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah dipakai.

24.4 Ketua Pengiraan Undi semasa menjalankan tata-cara yang diperihalkan dalam Jadual Ketiga hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang wajar bagi mencegah mana-mana orang tidak dibenarkan hadir secara sah di pengiraan undi dari melihat nombor-nombor yang tercetak atas kertas-kertas undi itu.

24.5 Setelah selesainya presiding yang ternyata dalam perenggan 2, Jadual Ketiga, atau dalam Aturan 24.3 yang tidak memerlukan tindakan di bawah Jadual Ketiga Ketua Pengiraan Undi atau orang-orang yang diberikuasa olehnya hendaklah mengasingkan kertas undi bagi calon Lembaga dari kertas undi bagi calon Jawatankuasa Audit Dalaman dan kemudiannya mengira kertas undi itu secara berasingan untuk calon Lembaga dan calon Jawatankuasa Audit

Dalam mengikut undi yang didapati bagi tiap-tiap seorang calon dan hendaklah mencatat perkataan “DITOLAK” atas mana-mana kertas undi yang ditolaknya sebagai tidak sah.

24.6 Ketua Pengiraan Undi hendaklah menolak sebagai tak sah kertas-kertas undi yang berikut sahaja, iaitu, mana-mana kertas undi:-

24.6.1 yang tidak dicap atau ditindik dengan tanda rasmi, atau tidak ditandatangani oleh Ketua tempat mengundi;

24.6.2 yang padanya undi diberi kepada lebih daripada kekosongan yang hendak diisi;

24.6.3 yang padanya ada sesuatu ditulis atau ditanda yang membolehkan pengundi dikenali;

24.6.4 yang tidak bertanda atau yang ditanda lain daripada tempat atau cara yang diperuntukkan; atau

24.6.5 yang tidak menunjukkan dengan jelas tujuan pengundi itu.

Dengan syarat bahawa jika Ketua Pengiraan Undi berpuashati bahawa sesuatu kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi dalam suatu keadaan yang akan menjadikannya tak sah di bawah Aturan ini oleh sebab sesuatu perbuatan atau ketinggalan olehnya atau oleh seseorang yang bertugas di bawah kuasanya, dan jika tidak kerana itu kertas undi itu adalah sah, ketua tempat mengundi itu tidak boleh menolak kertas undi itu.

24.7 Walau apa pun peruntukkan Aturan 24.6.4, jika Ketua Pengiraan Undi berpuashati bahawa sesuatu tanda yang dibuat pada sesuatu kertas undi adalah menunjukkan dengan jelas tujuan pengundi itu dan calon yang diundinya, ketua pengiraan undi tidak boleh menolak kertas undi itu semata-mata atas alasan bahawa kertas undi itu telah tidak ditanda dalam segala aspek mengikut arahan-arahan yang diberi bagi panduan pengundi-pengundi di bawah Aturan Aturan ini.

24.8 Sebelum menolak sesuatu kertas undi Ketua Pengiraan Undi hendaklah menunjukkannya kepada tiap-tiap seorang calon atau wakil-wakil mereka, jika hadir, dan menimbangkan pendapat mereka mengenainya.

24.9 Keputusan ketua pengiraan undi, sama ada atau tidak sesuatu kertas undi hendak ditolak adalah muktamad.

24.10 Tertakluk kepada Aturan 24.13, Ketua Pengiraan Undi hendaklah, dengan serta-merta setelah selesai mengira undi-undi:

(a) mengumumkan kepada calon-calon atau wakil-wakil mereka yang hadir bilangan undi yang diberikan bagi tiap-tiap seorang calon;

(b) menyediakan bilangan salinan yang mencukupi penyata pengundian dalam empat salinan Borang dalam Jadual Keempat yang hendaklah diperakui oleh ketua pengiraan undi dan ditandatangani oleh calon-calon atau wakil-wakil mereka yang hadir dan berkehendakan

menandatangani penyata itu.

- 24.11 Empat salinan Borang yang disediakan di bawah Aturan 24.10 hendaklah kemudian diurus dengan menyampaikan:

24.11.1 satu salinan kepada Setiausaha

24.11.2 satu salinan kepada Badan Perjalanan Pengundian;

24.11.3 satu salinan kepada Ketua Pendaftar; dan

24.11.4 satu salinan kepada Urusetia Koperasi untuk disampaikan kepada Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan supaya keputusan pemilihan dapat diistiharkan menurut Undang-undang Kecil 33(1)(d).

- 24.12 Ketua pengiraan undi yang menguruskan pengiraan undi hendaklah mengumumkan jumlah undi yang didapati oleh setiap calon dan kedudukan kesemua calon yang bertanding dalam pemilihan.

- 24.13 Jika:

24.13.1 bilangan undi bagi semua calon beserta undi-undi yang ditolak berbeza daripada bilangan kertas undi yang didapati dalam peti-peti undi sebanyak satu peratus atau lebih; atau

24.13.2 dua calon dibandingkan dengan jarak undi sebanyak 2% atau kurang dari bilangan undi bagi semua calon beserta undi-undi yang ditolak.

maka atas permintaan salah seorang calon atau wakil-wakil mereka pengiraan semula hendaklah dilakukan sekali sahaja sebelum ketua pengiraan undi menjalankan prosiding yang dinyatakan dalam Aturan 24.10 dan 24.11.

Dengan syarat bahawa ketua pengiraan undi boleh mengikut budibicaranya memerintahkan suatu pengiraan semula atau pengiraan-pengiraan semula bagi memuaskan hatinya bahawa keputusan pengundian itu adalah betul.

- 24.14 Jika bilangan undi didapati sama banyaknya antara atau dari antara calon-calon, dan tambahan satu undi akan menghakkan mana-mana calon diumumkan sebagai dipilih, maka penentuan calon kepadanya satu undi tambahan itu disifatkan sebagai telah diberi hendaklah dibuat dengan cara cabutan undi dihadapan ketua pengiraan undi, calon-calon atau wakil-wakil mereka mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengiraan Undi.

- 24.15 Setiausaha hendaklah menyimpan segala dokumen-dokumen pemilihan (segala kertas-kertas undi yang telah diguna dan dikira serta kertas-kertas undi yang tidak digunakan, penyata kira undi, salinan-salinan daftar pemilih yang telah ditandatangani serta keratan-keratan kertas undi) dengan selamat sehingga satu bulan selepas keputusan pemilihan diisytiharkan di Mesyuarat Agung Perwakilan.

25. PENUNDAAN ATAU PENANGGUHAN PENGIRAAN UNDI

- 25.1 Jika pada bila-bila masa selepas pengundian ditutup, kerana apa-apa sebab juapun, pengiraan undi di tempat pengiraan undi yang ditetapkan tidak dapat dimulakan atau telah dimulakan tetapi tidak dapat diselesaikan, Ketua Pengiraan Undi hendaklah menunda atau menangguhkan pengiraan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, dan dengan serta-merta memberitahu Badan Perjalanan Pengundian dan calon-calon atau wakil-wakil mereka tentang fakta itu.
- 25.2 Jika peti undi atau peti-peti undi masih belum dibuka, ketua pengiraan undi hendaklah dengan serta-merta menghantar **atau** menghantar serahkan peti undi itu beserta dengan penyata dalam borang yang tersebut dalam Aturan 22.1.3 bungkusan yang tersebut dalam Aturan dalam jagaan selamat kepada Badan Perjalanan Pengundian.
- 25.3 Jika peti undi atau peti-peti undi sudah dibuka, Ketua Pengiraan Undi hendaklah, dihadapan calon-calon atau wakil-wakil mereka yang hadir:
- 25.3.1 memasukkan semula semua kertas undi ke dalam peti undi, dan menutup peti undi berkenaan; dan,
- 25.3.2 dengan serta-merta menghantarkan atau menghantar serahkan peti undi beserta dengan penyata kira undi yang tersebut dalam bungkusan-bungkusan bermetri yang tersebut dalam jagaan selamat kepada Badan Perjalanan Pengundian.
- 25.4 Jika pengiraan undi telah ditunda atau ditangguhkan di bawah Aturan ini Badan Perjalanan Pengundian hendaklah selepas berunding dengan Setiausaha, menetapkan suatu masa dan tempat baru dimana Ketua Pengiraan Undi akan mengira undi-undi itu, dan hendaklah memberitahu calon-calon atau wakil-wakil mereka akan masa dan tempat tersebut.

26. PENGUNDIAN SEMULA JIKA PETI UNDI KEHILANGAN, KEMUSNAHAN DAN SEBAGAINYA

- 26.1 Jika di mana-mana pemilihan:
- 26.1.1 mana-mana peti undi yang digunakan di tempat atau tempat-tempat mengundi.
- (i) telah secara tidak sah dipindahkan daripada jagaan yang sah; atau,
- (ii) telah dimusnahkan, dirosakkan atau dikacau ganggu, sehinggakan, keputusan pengundian tidak dapat ditentukan; atau
- 26.1.2 apa-apa kesalahan, luar aturan atau kecacatan dalam prosedur yang berkemungkinan akan menjejaskan kesahan pengundian yang berlaku di tempat atau tempat-tempat mengundi, pegawai berkenaan hendaklah, dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Jawatankuasa Pemilihan.

- 26.2 Sebaik sahaja suatu laporan di bawah Aturan 26.1 diterima, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah, selepas mengambilkira semua hal-keadaan, sama ada:
- 26.2.1 mengisytiharkan pengundian itu sebagai tak sah, menentukan suatu hari, dan menetapkan waktu, untuk mengadakan suatu pengundian semula di tempat mengundi itu dan menyebabkan suatu notis perisytiharan dan hari serta waktu yang ditentu dan ditetapkan sedemikian itu disampaikan kepada setiap pemilih berkenaan; atau
 - 26.2.2 jika dia berpuas hati bahawa keputusan pengundian semula di tempat mengundi itu tidak akan dalam apa-apa cara, menjejaskan keputusan pemilihan, mengeluarkan apa-apa arahan kepada pegawai-pegawai sebagaimana difikirkan patut oleh Jawatankuasa Pemilihan untuk selanjutnya menjalankan dan menyelesaikan pemilihan itu.
- 26.3 Tertakluk kepada Aturan 28.2.2, peruntukkan-peruntukkan Aturan-Aturan ini hendaklah, setakat mana yang praktik, dipakai bagi tiap-tiap pengundian semula mengikut cara yang sama sebagaimana ianya dipakai bagi sesuatu pengundian asal.

27. KUASA MEMBUAT ARAHAN-ARAHAN BERHUBUNG DENGAN PEMILIHAN

- 27.1 Jawatankuasa Pemilihan boleh membuat arahan-arahan bagi perjalanan sesuatu pemilihan dan juga bagi semua perkara yang bersampingan dengannya tertakluk kepada syarat bahawa peruntukkan bagi kandungan arahan-arahan tersebut tiada dalam Aturan-Aturan ini dan arahan-arahan itu tidak bercanggah dengan Undang-undang Kecil atau Aturan-Aturan ini.
- 27.2 Dengan tidak menyentuh kepada keluasan kuasa-kuasa yang tersebut di atas, arahan-arahan itu boleh:
- 27.2.1 menetapkan bentuk borang pencalonan untuk sesuatu pemilihan.
 - 27.2.2 Menetapkan apa-apa borang atau notis atau penyata atau sebarang dokumen lain yang perlu atas mustahak atau diingini digunakan dalam sesuatu pemilihan.
 - 27.2.3 Menetapkan bentuk sesuatu kertas undi dan kaunterfoil-kaunterfoil yang akan digunakan dalam pemilihan.
 - 27.2.4 Menetapkan kelengkapan-kelengkapan yang akan diadakan di tempat pengiraan undi dan susunannya
 - 27.2.5 Menetapkan contoh-contoh kertas undi ragu yang tidak boleh ditolak oleh ketua pengiraan undi.
 - 27.2.6 Menetapkan contoh-contoh kertas undi yang hendaklah ditolak oleh ketua pengiraan undi.

28. AM

- 28.1 Sesuatu pemilihan tidak boleh menjadi tak sah semata-mata oleh sebab kemungkiran mematuhi mana-mana peruntukkan Peraturan-Peraturan ini jika didapati bahawa pemilihan itu telah dijalankan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam peruntukkan itu, dan kemungkiran itu tidak pula menyentuh keputusan pemilihan itu.
- 28.2 Sekiranya berlaku sesuatu kesilapan, kekurangan atau kecacatan tatacara:
- 28.2.1 Jika kesilapan, kekurangan atau kecacatan tidak bersabit proses penamaan calon, pengundian semula hendaklah diadakan tanpa mengadakan penamaan calon sekali lagi.
- 28.2.2 Jika kesilapan, kekurangan atau kecacatan bersabit proses penamaan calon keseluruhan pemilihan hendaklah diadakan semula dengan mengadakan penamaan calon.
- Dengan syarat, peruntukkan Peraturan ini adalah sentiasa tertakluk kepada Aturan 28.1 di atas.
- 28.3 Jika hari yang akhir bagi sesuatu tempoh beberapa hari itu ialah hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am maka tempoh itu hendaklah hari yang berikutan kemudiannya.

JADUAL PERTAMA

(Aturan 17.3)

ARAHAN-ARAHAN BAGI PANDUAN PENGUNDI-PENGUNDI UNTUK DIPAMERKAN DISEBELAH LUAR TIAP-TIAP TEMPAT MENGUNDI

*Pindaan
MAPT 250606*

1. Pengundian ini adalah untuk mengisi 4 *kekosongan anggota Lembaga dan 2 kekosongan jawatan Jawatankuasa Audit Dalam.

*Pindaan
MAPT 250606*

2. Kertas undi untuk calon anggota Lembaga adalah berwarna merah dan kertas undi untuk calon Jawatankuasa Audit Dalam adalah berwarna biru.

*Pindaan
MAPT 250606*

3. Pengundi boleh mengundi untuk hanya 4 *calon anggota Lembaga sahaja dalam kertas undi berwarna merah dan untuk hanya 2 calon Jawatankuasa Audit Dalam.

4. Pengundi hendaklah masuk ke tempat yang dikhaskan untuk menanda kertas undi dan membuat tanda pangkah dalam ruang yang disediakan bagi maksud itu di sebelah kanan kertas undi bertentangan dengan nama calon-calon yang diundinya, iaitu "X".

5. Kemudiannya, pengundi hendaklah melipat dua kertas undi itu supaya tanda rasmi dibelakangnya dapat dilihat dan, tanpa mendedahkan muka depan kertas itu kepada sesiapa jua, hendaklah menunjukkan tanda rasmi di belakangnya kepada Ketua tempat mengundi dan kemudian memasukkan kertas undi itu ke dalam peti undi dan meninggalkan tempat mengundi dengan segera.

6. Jika pengundi secara tidak sengaja merosakkan kertas undi, ia boleh mengembalikannya kepada Ketua tempat mengundi dan Ketua tempat mengundi, jika berpuashati dengan kerosakan tidak sengaja itu, hendaklah memberi kepadanya suatu kertas undi lain.

7. Jika pengundi mengundi lebih daripada kekosongan jawatan dalam sesuatu pemilihan, kertas undinya akan menjadi tak sah dan tidak akan dikira.

8. Jika pengundi membuat apa-apa tanda lain pada kertas undi, kertas undinya akan menjadi tak sah dan tidak akan dikira.

*Hendaklah diisi mengikut kekosongan dalam sesuatu pemilihan

JADUAL KEDUA
(Aturan 22.1.3)

BORANG PENYATA KERTAS UNDI UNTUK CALON LEMBAGA ATAU CALON JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN*

Tempat Mengundi

Nombor Kod Daerah Mengundi

Bilangan kertas undi yang diterima:

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

No. Siri hingga

Bilangan yang tidak digunakan.....

Bilangan yang rosak

Jumlah

Pindaan
MAPT 250606

Bertarikh pada20

Tandatangan dan Nama
Ketua Tempat Mengundi

Pindaan
MAPT 250606

*Borang berasingan hendaklah digunakan untuk calon Lembaga dan calon Jawatankuasa Audit Dalam

JADUAL KETIGA
(Aturan 23.3)

**TATACARA UNTUK DIKUTI JIKA BILANGAN KERTAS UNDI YANG
DIDAPATI DALAM SUATU PETI UNDI LEBIH DARIPADA BILANGAN
YANG DINYATAKAN SEBAGAI BERADA DIDALAMNYA MENGIKUT
BORANG DALAM JADUAL KEDUA**

1. Ketua pengiraan undi hendaklah, di hadapan calon-calon atau wakil-wakil mereka, menyebabkan bungkusan bermeteri yang mengandungi kertas-kertas undi yang tidak digunakan dari tempat mengundi, tetapi tidak mana-mana bungkusan lain dibuka, dan dengan membandingkan bilangan kertas undi yang tidak digunakan dan yang rosak dengan bilangan kertas undi yang asalnya dikeluarkan kepada tempat mengundi itu, hendaklah mengesahkan penyata dalam Borang dalam Jadual Ketiga. Jika didapati suatu kesilapan telah berlaku dalam mengisi Borang dalam Jadual Ketiga dan jika Ketua pengiraan undi berpuashati bahawa bilangan kertas undi dalam peti undi itu tidak lebih daripada bilangan kertas undi yang telah dikeluarkan dengan sewajarnya memerintahkan supaya pengiraan undi dijalankan dan hendaklah memeterikan semula bungkusan yang mengandungi kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan yang rosak itu.
2. Jika selepas selesai proses yang disebutkan dalam perenggan 1 Jadual ini Ketua pengiraan undi dapati bilangan kertas undi yang ada dalam peti undi lebih banyak daripada bilangan kertas undi yang telah dikeluarkan Ketua pengiraan untuk atau orang-orang yang diberi kuasa olehnya hendaklah, dihadapan calon-calon atau wakil-wakil mereka memeriksa tandatangan atau tanda rasmi Ketua tempat mengundi yang berkenaan atas kertas-kertas undi itu satu persatu dan hendaklah mengeluarkan mana-mana kertas undi yang nombornya terdapat di atas kertas undi yang lain atau kertas undi yang tidak ditandatangani oleh atau tidak mengandungi tanda rasmi Ketua tempat mengundi berkenaan atau ditanda selainnya.
3. Apabila Ketua pengiraan undi telah mengeluarkan kertas-kertas undi mengikut perenggan 2 dalam Jadual ini, ia hendaklah memerintahkan supaya pengiraan undi itu dijalankan.
4. Kertas-kertas undi yang dikeluarkan oleh Ketua pengiraan undi hendaklah dimeterikan dalam suatu bungkusan dan dihantar dengan seberapa segera yang praktik kepada Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Pemilihan hendaklah menyimpan kertas-kertas undi yang dikeluarkan itu selama tempoh enam bulan dan kemudiannya hendaklah menyebabkan kertas-kertas undi itu dimusnahkan melainkan diarah sebaliknya oleh mana-mana pihak berkuasa.

JADUAL KEEMPAT
(Aturan 23.10)

PENYATA PENGUNDIAN SELEPAS UNDI DIKIRA DAN MENGIKUT KEDUDUKAN CALON

Nama	Bilangan
Bilangan undi yang diberi kepada	
Bilangan undi yang diberi kepada	
Bilangan undi yang diberi kepada	
Bilangan undi yang diberi kepada	
Bilangan undi yang diberi kepada	
Bilangan undi yang diberi kepada	
Bilangan undi yang diberi kepada	
Bilangan nama dalam daftar pemilih yang digunakan dalam pengundian	
Bilangan kertas undi yang digunakan dalam pengundian (termasuk kertas undi yang ditolak tetapi tidak termasuk kertas undi yang rosak)	
Saya memperakui bahawa penyata di atas adalah betul.	

Pindaan
MAPT 250606

Bertarikh pada20.....

Tandatangan dan Nama
Ketua Tempat Mengundi

1. KETERANGAN BAGI PERWAKILAN YANG TIDAK LAYAK MENJADI PEMILIH

Perwakilan yang tidak layak menjadi pemilih terdiri dari yang berikut:

- 1.1 Perwakilan yang tidak menjelaskan yuran bulanan berdasarkan gaji bulanan sebenarnya bagi tiga bulan berturut-turut dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh yang ditentukan; atau,
- 1.2 Perwakilan yang mempunyai tanggungan kepada Koperasi kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut dan tunggakan ini bukan disebabkan oleh majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau koperasi ini; atau,
- 1.3 Perwakilan yang keanggotaannya telah digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(1); atau
- 1.4 Dimansuhkan
- 1.5 Perwakilan yang hilang kelayakan sebagai anggota di bawah Undang-undang Kecil 19.

*Pindaan
MAPT 250606*

*Pindaan
MAPT 250606*

*Pindaan
MAPT 250606*

PERHATIAN

- (i) Perwakilan yang namanya tidak dimasukkan dalam daftar pemilih boleh mengemukakan bantahannya dengan bertulis kepada Lembaga tidak lewat daripada genap sepuluh (10) hari dari tarikh dokumen memberitahu beliau yang namanya tidak dimasukkan dalam daftar pemilih. Bantahan anggota tersebut hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga yang mesti menyampaikan keputusan bertulis mereka dengan memberi sebab-sebabnya tidak lewat daripada genap empat belas (14) hari selepas tarikh dokumen yang memberitahu anggota bahawa namanya tidak termasuk dalam daftar pemilih. Jika bantahan itu diterima, nama perwakilan hendaklah dimasukkan dalam daftar pemilih.
- (ii) Perwakilan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga di atas boleh merayu kepada Jawatankuasa Pemilihan. Rayuan tersebut hendaklah dikemukakan dengan bertulis kepada Setiausaha tidak lewat daripada genap empat (4) hari selepas tarikh surat memberitahu keputusan Lembaga dikirimkan kepada calon yang berkenaan. Jawatankuasa Pemilihan hendaklah menyampaikan kepada anggota yang membuat rayuan keputusan bertulis mereka dengan memberikan sebab-sebab tidak lewat daripada genap empat belas (14) hari selepas dokumen yang memberitahu keputusan Lembaga di bawah di atas. Jika Jawatankuasa Pemilihan membenarkan rayuan tersebut, nama perwakilan berkenaan hendaklah ditambah kepada daftar pemilih.

2. KETERANGAN BAGI PERWAKILAN YANG TIDAK LAYAK MENERIMA SIJIL KELAYAKAN MENJADI CALON ANGGOTA LEMBAGA

Perwakilan tidak layak menerima Sijil Kelayakan Menjadi Calon Lembaga jika perwakilan itu ialah:

- 2.1 telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta; atau
- 2.2 telah dipecat sebagai pekerja sesuatu Koperasi berdaftar; atau
- 2.3 telah dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini; atau
- 2.4 ada kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau
- 2.5 belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi ini;
- 2.6 tidak mempunyai yuran terkumpul sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus ringgit; atau
- 2.7 tidak mempunyai modal syer sekurang-kurangnya lima ratus ringgit.
- 2.8 belum lagi menjelaskan yuran bulanan sekurang-kurangnya 24 bulan berdasarkan gaji bulanan semasa sebenarnya. Disyaratkan bahawa perwakilan yang pada tarikh beliau mengemukakan pencalonan telah atau sedang membayar yuran bulanan yang tidak berdasarkan gaji bulanan sebenarnya boleh menjelaskan tunggakan yuran berkenaan, jika ada, sebelum tamatnya tempoh penamaan calon untuk melayakkan diri sebagai perwakilan calon anggota Lembaga dan sedemikian juga hendaklah menguruskan bayaran yuran sebenar untuk masa akan datang. Adalah dijelaskan bahawa tunggakan yuran berkenaan hendaklah dijelaskan dengan wang tunai. Disyaratkan lagi perwakilan tidak kehilangan untuk menjadi calon anggota Lembaga jika tunggakan yurannya berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.
- 2.9 mempunyai tanggungan kepada Koperasi ini kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon anggota Lembaga jika tunggakan pinjamannya/pembiayaannya berpunca dari tindakan/kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.
- 2.10 mempunyai, selama tiga bulan berturut-turut, tanggungan kepada Koperasi ini sebagai penjamin kepada sesuatu pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) koperasi ini yang telah dituntut secara bertulis. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon anggota Lembaga jika beliau telah mengaturkan bayaran balik kepada Koperasi, segala tanggungannya sebagai penjamin secara ansuran dan telah menjelaskan segala ansuran yang harus dibayarkan sebelum tamatnya tempoh penamaan calon. Adalah dijelaskan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon anggota Lembaga jika tunggakan tanggungannya sebagai penjamin berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

*Pindaan
MAPT 250606*

*Pindaan
MAPT 250606*

*Pindaan
MAPT 250606*

*Pindaan
MAPT 250606*

*Pindaan
MAPT 250606*

2.11 adalah anggota yang keanggotaannya telah digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(2) atau 38(2).

*Pindaan
MAPT 250606*

2.12 Dimansuhkan

Seorang anggota tidak boleh bertanding serentak bagi jawatan anggota Lembaga dan jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.

3. KETERANGAN MENGENAI PERWAKILAN YANG TIDAK LAYAK MENERIMA SIJIL KELAYAKAN MENJADI PENCADANG ATAU PENYOKONG CALON ANGGOTA LEMBAGA

Pencadang/Penyokong jawatan anggota Lembaga tidak layak menerima sijil kelayakan berkenaan jika terdiri dari kumpulan yang berikut:

*Pindaan
MAPT 250606*

3.1 Perwakilan yang tidak menjelaskan yuran bulanan berdasarkan gaji bulanan sebenarnya bagi tiga bulan berturut-turut dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh yang ditentukan; atau,

3.2 Perwakilan yang mempunyai tanggungan kepada Koperasi kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut dan tunggakan ini bukan disebabkan oleh majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini; atau,

*Pindaan
MAPT 250606*

3.3 Perwakilan yang keanggotaannya telah digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(1); atau

*Pindaan
MAPT 250606*

3.4 Dimansuhkan.

3.5 Perwakilan yang hilang kelayakkan sebagai anggota di bawah Undang-undang Kecil 19.

4. KETERANGAN MENGENAI PERWAKILAN YANG TIDAK LAYAK MENERIMA SIJIL KELAYAKAN MENJADI CALON JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Perwakilan tidak layak menerima Sijil Kelayakan Menjadi Calon Jawatankuasa Audit Dalaman jika perwakilan itu:

4.1 telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta; atau

4.2 telah dipecat sebagai pekerja mana-mana Koperasi; atau

4.3 telah dilantik menjadi anggota Lembaga Koperasi ini;

4.4 hendaklah mempunyai yuran terkumpul sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus ringgit;

4.5 hendaklah mempunyai modal syer sekurang-kurangnya lima ratus ringgit;

Pindaan
MAPT 250606

4.6 belum lagi menjelaskan yuran bulanan sekurang-kurangnya 24 bulan berdasarkan gaji bulanan semasa sebenarnya. Disyaratkan bahawa perwakilan yang pada tarikh beliau mengemukakan pencalonan telah atau sedang membayar yuran bulanan yang tidak berdasarkan gaji bulanan sebenarnya boleh menjelaskan tunggakan yuran berkenaan, jika ada, sebelum tamatnya tempoh penamaan calon untuk melayakkan diri sebagai calon Jawatankuasa Audit Dalaman dan perwakilan sedemikian juga hendaklah menguruskan bayaran yuran sebenar untuk masa akan datang. Adalah dijelaskan bahawa tunggakan yuran berkenaan hendaklah dijelaskan dengan wang tunai. Disyaratkan lagi perwakilan tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon Jawatankuasa Audit Dalaman jika tunggakan yurannya berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

Pindaan
MAPT 250606

4.7 mempunyai tanggungan kepada Koperasi ini kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon Jawatankuasa Audit Dalaman jika tunggakan pinjaman/pembiayaannya berpunca dari tindakan/kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

Pindaan
MAPT 250606

4.8 Mempunyai, selama tiga bulan berturut-turut tanggungan kepada Koperasi ini sebagai penjamin kepada sesuatu pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) Koperasi ini yang telah dituntut secara bertulis. Disyaratkan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon Jawatankuasa Audit Dalaman jika beliau telah mengaturkan bayaran balik kepada Koperasi, segala tanggungannya sebagai penjamin secara ansuran dan telah menjelaskan segala ansuran yang harus dibayarnya sebelum tamatnya tempoh penamaan calon. Adalah dijelaskan bahawa perwakilan sedemikian tidak kehilangan kelayakan untuk menjadi calon Jawatankuasa Audit Dalaman jika tunggakan tanggungannya sebagai penjamin berpunca dari tindakan atau kesilapan majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini.

Pindaan
MAPT 250606

4.9 adalah anggota yang keanggotaannya digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(2) atau 38(2)

4.10 Dimansuhkan.

Pindaan
MAPT 250606

4.11 Seorang anggota tidak boleh bertanding serentak bagi jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman dan jawatan Anggota Lembaga.

5. KETERANGAN MENGENAI PERWAKILAN YANG TIDAK LAYAK MENERIMA SIJIL KELAYAKAN MENJADI PENCADANG ATAU PENYOKONG CALON JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Perwakilan tidak layak menerima Sijil Kelayakan Menjadi Pencadang atau Penyokong Calon Jawatankuasa Audit Dalaman jika perwakilan itu ialah:

5.1 Perwakilan yang tidak menjelaskan yuran bulanan berdasarkan gaji bulanan sebenarnya bagi tiga bulan berturut-turut dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh yang ditentukan; atau,

*Pindaan
MAPT 250606*

5.2 Perwakilan yang mempunyai tanggungan kepada Koperasi kerana tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) kepada Koperasi bagi 3 bulan berturut-turut dan tunggakan ini bukan disebabkan oleh majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau Koperasi ini; atau,

*Pindaan
MAPT 250606*

5.3 Perwakilan yang keanggotaannya telah digantung di bawah Undang-undang Kecil 22(1); atau

*Pindaan
MAPT 250606*

5.4 Dimansuhkan.

5.5 Perwakilan yang hilang kelayakan sebagai anggota di bawah Undang-undang Kecil 19.

mercantile